

Respons KPN bukti imej sederhana Najib hanya sandiwara, kata Guan Eng
The Malaysian Insider
April 21, 2015

Tindakan Tan Sri Khalid Abu Bakar yang begitu cepat mengeneipkan wujud unsur jenayah atau hasutan dalam kes protes salib gereja di Petaling Jaya merupakan "pukulan terakhir" kepada imej sederhana yang dibawa Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, kata DAP hari ini.

Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng, yang menyifatkan bantahan terhadap lambang salib di sebuah gereja di Taman Medan Ahad sebagai "perbuatan kejam yang memalukan" oleh "penunjuk perasaan yang ekstrem", berkata insiden itu kini mendapat liputan seluruh dunia.

"Kegagalan ketua polis negara (KPN) mengambil tindakan tegas dengan serta merta, kini menamatkan sebarang ucapan mengenai kesederhanaan oleh perdana menteri di peringkat antarabangsa.

"Rakyat mempertikaikan KPN, kesetiaannya kepada tugasnya, kesaksamaannya dan profesionalismenya dalam membebaskan penunjuk perasaan itu daripada sebarang jenayah, hanya kerana abangnya terlibat, bersama dengan pemimpin Umno Selangor," katanya.

Pada Ahad, kira-kira 50 orang berkumpul di luar sebuah gereja baharu, yang terletak di kawasan rumah kedai, menuntut salib yang dipasang di luar bangunan tersebut ditanggalkan.

Salah seorang pemimpin Umno yang hadir protes itu ialah abang Khalid, Datuk Abdullah Abu Bakar (gambar, kanan).

Penunjuk perasaan mendakwa lambang salib di kawasan majoriti Islam itu mencabar agama Islam dan boleh mempengaruhi iman anak muda.

Salib itu kemudiannya ditanggalkan pemimpin gereja beberapa jam kemudian.

Semalam, Khalid menolak ada unsur hasutan dalam insiden itu kerana demonstrasi itu bukan terhadap agama Kristian, tetapi mengenai lokasi gereja di kawasan kejiranan yang sebahagian besarnya Melayu-Islam.

"Perbuatan kejam pemimpin Umno Selangor dan abang KPN dalam memaksa sebuah gereja menurunkan salib membuktikan Akta Hasutan digunakan sebagai senjata politik terhadap Pakatan Rakyat (PR) dan mereka yang menentang Barisan Nasional, apabila KPN atau menteri dalam negeri sahaja boleh memutuskan sama ada siasatan akan dilakukan tanpa rasa takut atau pilih kasih," kata Lim.

Sependapat dengan Setiausaha Publisiti DAP Tony Pua, Lim menggesa Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi mengarahkan Khalid berundur buat sementara waktu sekiranya

beliau benar-benar ikhlas melindungi hak asasi kebebasan beragama bukan Islam.

Katanya, menteri dalam negeri itu perlu berbuat demikian sehingga siasatan polis terhadap kes yang berunsur hasutan itu selesai.

"Hanya dengan berbuat demikian, dan membenarkan timbalannya mengambil alih dalam tempoh interim penyiasatan polis, dapat mengembalikan keyakinan orang awam, menunjukkan masih ada kedaulatan undang-undang di Malaysia dan polis menegakkan undang-undang dan bukannya melindungi saudara-mara mereka," kata Lim.

Beliau juga berkata, rakyat tidak yakin dengan sandiwara yang ditunjukkan mereka yang terlibat dan sama ada Zahid ikhlas mempertahankan undang-undang kerana KPN dilihat lebih mahu melindungi abangnya.

Orang ramai kini mempertikaikan kredibiliti Khalid dalam menjalankan tugasnya sebagai KPN yang dilihat seakan berat sebelah, hanya kerana abangnya ada bersama di kalangan penunjuk perasaan itu, katanya. – 21 April, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/respon-kpn-bukti-imej-sederhana-najib-hanya-sandiwara-kata-guan-eng>